



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	22/4/2021	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	KeTSA / TNB		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Kerajaan, TNB prihatin nasib rakyat

Teruskan pelaburan modal baharu dan mendapat pulangan setimpal yang boleh dikongsi bersama rakyat

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

KUALA LUMPUR

Kerajaan berharap Tenaga Nasional Berhad (TNB) dapat membekalkan elektrik dengan harga berpatutan tetapi pada masa yang sama dapat meneruskan pelaburan modal baharu.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata, pelaburan modal dengan mendapat pulangan setimpal itu boleh dikongsi bersama rakyat dan pemegang sahamnya.

Katanya, pengalaman daripada pandemik Covid-19 jelas menunjukkan tindakan bersama kerajaan dan TNB

membolakan kesusahan rakyat dikongsi apabila TNB menyumbang dengan nilai amat besar.

“Kita mahu (TNB) bersama kerajaan meniaga kepentingan rakyat,” katanya yang meluangkan masa kira-kira tiga jam dalam sesi lawatan kerja di TNB, Kompleks Ibu Pejabat TNB dekat Bangsar pada Selasa.

Shamsul Anuar turut melahirkan rasa puas hati dengan usaha TNB menggunakan perbekalan elektrik negara secara berterusan, selain usaha syarikat utiliti negara itu meningkatkan perkhidmatan dan memperkasa pengguna.

Beliau turut memuji pencapaian TNB meningkatkan kualiti bekalan elektrik antaranya Sistem Indeks Purata Tempoh Gangguan (Saifi) di Semenanjung menurun secara konsisten di bawah paras 60 minit sejak tahun 2014 sehingga mencapai 44.95 minit tahun lalu.

“Saya mahu TNB teruskan usaha memurunkannya lagi walaupun Saifi merupakan ukuran tempoh gangguan bekalan elektrik ini antara terendah di negara-negara Asia Tenggara dan sebi-



Shamsul Anuar (dua dari kanan) mendengar penjelasan daripada Mahdzir (tengah) mengenai Projek Kampus Plathnum TNB sempena lawatan kerja beliau di Kompleks Ibu Pejabat TNB, Bangsar pada Selasa.

lawan negara membangun,” katanya.

Sempena lawatan itu, Shamsul Anuar turut mendengar taklimat mengenai pemodenan sistem Rangkaian Pembahagian (Distribution Network) TNB yang mengambil kira keperluan rakyat.

Turut serta, Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNB, Datuk Ir Baharin Din dan Ketua Pegawai Kawal Selia dan Penguasaan Stake-

holder (Chief Regulatory & Stakeholder Management Officer) TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman.

Sementara itu, Mahdzir berkata, pihaknya yakin dengan kekuatan lebih 35,000 warga kerja untuk terus melaksanakan program dirancang kerajaan, antaranya meningkatkan kualiti bekalan elektrik dan peranan tenaga solar serta meningkatkan peluang pekerjaan melalui program latihan semula dan kepakaran.